

HUKUM PEMOTONGAN GENITALIA WANITA (FEMALE GENITAL MUTILATION)

Oleh:

Taqwa binti Zabidi (Jakim)

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan pandangan hukun syarak berhubung isu pemotongan genitalia wanita. Ini kerana, Islam menggalakkan amalan berkhatan bagi kanak-kanak perempuan. Namun, jika pembasmian terhadap amalan Pemotongan Genitalia Wanita atau Female Genital Mutilation (FGM) dijalankan, amalan berkhatan juga akan turut dihapuskan. Kajian perpustakaan dijalankan untuk, i) mendapatkan maklumat berkaitan realiti FGM dan kesannya, dan ii) merujuk pendapat-pendapat fuqaha beserta dalil dan hujah berkaitan amalan berkhatan bagi wanita. Setelah data-data yang diperolehi ini dibincangkan di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum Pemotongan Genitalia Wanita adalah bertentangan dengan syarak. Namun berkhatan bagi wanita mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Islam adalah wajib.

Amalan berkhatan dan pemotongan genitalia bagi wanita telah diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Islam di dunia dan penganut agama Kristian di sesetengah tempat serta beberapa puak tertentu di benua Afrika. Melihat kepada kepelbagaian prosedur yang dijalankan serta kesan-kesan sampingan yang ditanggung, masyarakat antarabangsa melalui suara World Health Organization (WHO) menyatakan penentangan mereka terhadap amalan yang dikonotasikan sebagai *Female Genital Mutilation* (FGM) ini dan

berusaha untuk menghapuskannya.

Umumnya, usaha pembasmian FGM amatlah dialu-alukan oleh sebahagian penduduk dunia. Namun, berkhatan bagi wanita telah dikenal pasti sebagai salah satu elemen FGM yang ingin dihapuskan amalannya. Persoalannya, apakah hukum berkhatan dari sudut syarak, apakah berkhatan boleh diklasifikasikan sebagai amalan FGM dan bolehkah FGM diharamkan sekiranya berkhatan diklasifikasikan sebagai salah satu amalan FGM?

Meninjau amalan FGM dan hubungkaitnya dengan syarak, kertas kerja ini disediakan dengan mengemukakan realiti FGM dari sudut definisi, pengamalan dan kesan-kesannya. Seterusnya, isu berkhatan bagi wanita dari perspektif Islam dikemukakan bagi mendapatkan hukum mengenainya.

DEFINISI FGM, PERINGKAT DAN PROSEDURNYA

Female Genital Mutilation, menurut WHO, terdiri daripada kesemua prosedur yang melibatkan pembuangan sebahagian atau keseluruhan bahagian luar genitalia dan/atau kecederaan pada organ genital atas sebab-sebab adat dan budaya atau sebab-sebab non-terapeutik yang lain. Amalan ini diklasifikasikan kepada empat peringkat (Rajah 1):

- i. Peringkat pertama: *Clitoridectomy*. Ia merujuk kepada pembuangan sebahagian atau keseluruhan *klitoris* dan/atau bahagian kulup.
- ii. Peringkat kedua: *Excision*. Ia merujuk kepada pembuangan sebahagian atau keseluruhan *klitoris* dan *labia minora*, dengan atau tanpa pemotongan pada *labia majora*.
- iii. Peringkat ketiga: *Infibulation*. Ia merupakan peringkat yang kritikal di mana *orifis vagina* disempitkan dan pemotongan dan aposisi *labia minora* dan *labia majora* dibuat, dengan atau tanpa pemotongan *klitoris*.
- iv. Peringkat keempat: Peringkat Umum. Ia merujuk kepada semua jenis prosedur yang menyakitkan

kepada *genitalia* perempuan untuk tujuan bukan perubahan seperti tusukan, tikaman, turisan, luka dan pengkauterian.¹

Berdasarkan klasifikasi ini, Malaysia didakwa merupakan antara negara yang mengamalkan FGM pada peringkat keempat. Ini bermakna, berkhatan bagi wanita menurut pandangan fuqaha' seperti yang dijalankan di Malaysia turut diletakkan sebagai salah satu amalan FGM yang hendak dibanteras.


PENENTANGAN TERHADAP AMALAN FGM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Amalan berkhatan kanak-kanak perempuan telah menjadi sebahagian dari amalan masyarakat Islam di Malaysia secara umumnya. Selama ini, tiada rungutan atau desas-desus menentang amalan ini kerana sebahagian mereka menganggap bahawa amalan ini adalah tuntutan agama dan sebahagian lagi beranggapan amalan ini merupakan adat yang patut dijalankan untuk memelihara akhlak wanita. Tidak kurang juga bagi mereka yang tidak mengamalkannya kerana tiada tuntutan kewajipan dalam Islam untuk melakukannya.

Namun begitu, di sebahagian benua lain amalan ini melampaui batas sehingga boleh menjejaskan hak kaum wanita. Melihat kepada perkara ini, WHO bangkit bagi mempertahankan hak wanita untuk **menghapuskan** amalan ini.

Seawal tahun 1850-an, amalan ini telah dikenalpasti di negara-negara barat seperti Britain, Australia dan Amerika Syarikat. Pembuangan *klitoridektomi* dijalankan bertujuan untuk menyekat *masturbation*, mengurangkan risiko kecacatan akal perempuan dan menghalang dari berlakunya penyakit *nymphomania*.²

Perbincangan berkaitan isu FGM ini di peringkat antarabangsa bermula pada tahun 1952 apabila United Nation Commission on Human Rights (UNCHR) membangkitkan isu ini buat pertama kalinya. Pada tahun 1982, WHO membuat pernyataan rasmi menyatakan penentangan mereka terhadap amalan ini. Tiga tahun selepas itu, perkara ini dibahaskan dalam Perhimpunan Kesihatan Sedunia atau World Health Assembly (WHA) yang ke-38. Perhimpunan ini bersetuju menyatakan bahawa amalan ini merupakan amalan tradisi yang merbahaya. Susulan dari pernyataan ini, perhimpunan ini bergerak ke arah menggalakkan satu tindakan konkrit yang dibuat untuk menghapuskannya.³



Rajah 1: Gambarajah Menunjukkan Tiga Peringkat *Female Genital Mutilation* Mengikut Klasifikasi *World Health Organization*

Sebelum tahun 1990, terminologi *female circumcision*, *female genital mutilation*, *female genital infabulation* saling digunakan secara umum. Pada tahun 1990, Inter-African Committee Regional Conference di Addis Ababa mengutarakan agar terminologi *female circumcision* ditukar kepada *Female Genital Mutilation (FGM)* seperti yang diguna pakai sehingga sekarang.⁴

Pada tahun 1994 dan 1995, satu langkah memperkuat usaha menghapuskan amalan FGM dibuat oleh *International Conference on Population and Development (ICPD)* dan *Beijing Platform for Action*. Mereka mengharapkan agar kerajaan mengambil tindakan segera bagi menghentikan FGM dan menghapuskan semua bentuk diskriminasi terhadap anak-anak perempuan termasuk amalan FGM sendiri. Seterusnya, pada tahun 1997, satu pernyataan bersama oleh WHO, UNICEF dan UNFPA disediakan bagi menerangkan implikasi amalan FGM kepada kesihatan dan hak asasi manusia dan mengisytiharkan sokongan terhadap pengguguran amalan ini.

Dan, pada tahun 2008, satu pernyataan bersama dikeluarkan oleh WHO, UNICEF, UNFPA UNIFEM, UNDP, UNAIDS, UNESCO, UN Human Rights, Economic Commission for Africa bertajuk *Eliminating Female Genital Mutilation*. Dalam mesyuarat ini, **Malaysia telah disebut sebagai salah satu negara yang mengamalkan FGM**. Merujuk kepada resolusi perhimpunan ini, ahli mesyuarat mendesak agar negara-negara yang terlibat dalam perhimpunan ini mempergiatkan lagi usaha ke arah menghapuskan amalan ini.

SOROTAN PENGAMALAN FGM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

WHO meninjau amalan ini di seluruh dunia dan mendapati seramai antara 100 hingga 140 juta remaja perempuan dan wanita telah menjalani FGM peringkat 1 hingga peringkat 3. Tinjauan mendapati seramai hampir 91.5 juta wanita yang berumur 9 tahun ke atas di Afrika kini terpaksa menempuh hidup dengan menanggung kesan akibat menjalani FGM.⁵

Sebanyak 28 buah negara di Afrika dan sebahagian kecil di Asia dan Timur Tengah didokumentasikan sebagai negara yang mengamalkan FGM peringkat 1, 2 dan 3. Kes ini juga direkodkan di beberapa kawasan lain termasuk sekelompok etnik tertentu di Amerika Tengah dan Amerika Selatan. Peratus kelaziman berlakunya amalan ini boleh didapati seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Peratus Kelaziman Amalan *Female Genital Mutilation* Peringkat I, II, III dan 'Lukaan' Peringkat IV

Negara	Tahun	Anggaran kelaziman amalan FGM bagi kanak-kanak perempuan dan wanita berumur 15-49 tahun (%)
Benin	2001	16.8
Burkina Faso	2005	72.5
Cameroon	2004	1.4

HUKUM PEMOTONGAN GENITALIA WANITA

Chad	2004	44.9
Cote d'Ivoire	2005	41.7
Djibouti	2006	93.1
Eriteria	2002	88.7
Ethiopia	2005	74.3
Gambia	2005	78.3
Ghana	2005	3.8
Guinea	2005	95.6
Guinea-Bissau	2005	44.5
Kenya	2003	32.2
Liberia*		45
Mali	2001	91.6
Mauritania	2001	71.3
Mesir	2005	95.8
Niger	2006	2.2
Nigeria	2003	19
Republik Afrika Tengah	2005	25.7
Republik Bersatu Tanzania	2004	14.6
Senegal	2005	28.2
Sierra Leone	2005	94
Somalia	2005	97.9
Sudan, utara (lebih kurang 80% populasi ditinjau)	2000	90
Togo	2005	5.8
Uganda	2006	0.6
Yemen	1997	22.6

Sumber: Laporan Bersama *World Health Organization*

Selain itu, terdapat beberapa buah negara lagi yang direkodkan melalui kajian yang mengesahkan wujudnya amalan ini di negara tersebut. Namun tiada anggaran tepat peratus kelaziman dibuat bagi negara-negara ini termasuklah India, Indonesia, Iraq, Israel, **Malaysia** dan Emiriah Arab Bersatu.

IMPLIKASI NEGATIF FGM KEPADA WANITA

FGM ditentang secara keras di peringkat antarabangsa kerana kajian dan penelitian mendapati terdapat implikasi negatif kepada

wanita dari sudut kesihatan dan hak asasi wanita.

i. Implikasi Kesihatan

Merujuk kepada data yang disediakan oleh WHO, terdapat implikasi kepada kesihatan seorang wanita yang melalui proses ini terutamanya kepada peringkat I, II dan III. **Tiada kesan sampingan yang direkodkan bagi peringkat IV.** Implikasi ini dibahagikan kepada dua iaitu kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang seperti berikut:

Kesan Jangka Pendek	Kesan Jangka Panjang
Kesakitan yang teruk	Kesakitan
Terkejut	Jangkitan
Pendarahan yang melampau	Keloid
Kesusahan dalam pembuangan air kecil	Jangkitan kepada sistem reproduktif dan jangkitan yang dipindahkan melalui hubungan intim
Jangkitan	HIV
<i>Human immunodeficiency virus (HIV)</i>	Kualiti hubungan intim terjejas
Kesan psikologi	Komplikasi kelahiran
Cantuman labia yang tidak diinginkan	Bahaya kepada bayi yang dilahirkan
Pengulangan prosedur FGM	Kesan psikologi

Jadual 2:Kesan Jangka Pendek dan Kesan Jangka Panjang FGM⁶

Selain daripada itu, peringkat III FGM juga boleh mengakibatkan pembedahan pada masa akan datang, masalah *urinari* dan *menstrual*, hubungan intim yang menyakitkan dan kemandulan.

Melihat kepada analisa yang dijalankan, tiada rekod yang menjelaskan impak negatif amalan FGM pada peringkat IV. Ia seolah-olah menggambarkan pada peringkat ini tiada kesan yang memudaratkan dapat direkodkan hingga setakat ini. **Maka tiada kesan yang**

merbahaya dapat dibuktikan daripada amalan masyarakat Islam di Malaysia sepertimana yang dianjurkan prosedurnya dalam sebahagian besar kitab-kitab fiqah.

ii. Implikasi Hak Asasi Wanita

Hak-hak wanita di negara-negara yang mengamalkannya dicabuli kerana mereka tidak diberi pilihan samada ingin melakukannya atau tidak.⁷ Ia merupakan satu bentuk paksaan di mana ahli keluarga yang lebih tua akan membuat keputusan bagi mereka. Kebanyakan kes yang direkodkan menunjukkan, anak-anak gadis ini akan dibawa ke suatu tempat tertentu tanpa diberitahu tujuan mereka dibawa ke situ. Akhirnya mereka diperlakukan tanpa kerelaan mereka sendiri. Bagi golongan yang memperjuangkan hak wanita, perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia melibatkan kesan buruk ke atas diri seorang perempuan. Paksaan adalah sesuatu yang bercanggah dengan hak kebebasan individu malah ia mendatangkan kemudatan kepada perempuan itu.

Martabat wanita juga menjadi rendah jika mereka tidak melalui proses ini kerana lelaki hanya akan berkahwin dengan perempuan yang sudah 'berkhatan' untuk menjaga kehormatan dan maruah keluarga.

BERKHATAN BAGI WANITA DALAM ISLAM BUKAN FGM

Dalam Islam, berkhatan bagi wanita ada disebutkan oleh fuqaha' terdahulu. Perkara ini dirungkaikan sebaik mungkin oleh para fuqaha' secara terperinci dan jelas. Ia melibatkan maksud khatan sudut fiqh, kawasan yang dikhatankan bagi wanita dan perbincangan hukum.


الخَتَانُ berasal dari perkataan خَتَنَ yang bermaksud berkahwin. خَتَانَةٌ bermaksud pemotongan *qulfah*. Manakala الخَتَانُ merujuk kepada tempat pemotongan daripada alat kelamin lelaki dan wanita. Bagi perkataan الخَتْنُ pula ia merujuk kepada lelaki yang mempunyai hubungan persemendaan bagi pihak perempuan seperti bapa, abang, abang ipar dan sebagainya. Manakala, الخَتْنَةُ merujuk kepada perempuan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang lelaki.

Di dalam kamus *Lisan Al-`Arab* juga menyebut الختان sebagai kawasan yang dipotong dari alat kelamin lelaki dan kawasan pemotongan dari klitoris perempuan. ختان الرجل bermaksud pemotongan keseluruhan kulit yang menutupi *hasyafah* sehingga tersingkap seluruh *hasyafah*. Manakala ختان المرأة pula merujuk kepada pemotongan sebahagian kecil daripada kulit pada bahagian atas faraj yang terletak di atas kawasan kemasukan zakar. ختان المرأة juga dikenali sebagai الإغصاء, manakala ختان الرجل juga disebut sebagai الإغذار.

Manakala dari segi istilah, *fuqaha'* sepakat mendefinisikan khatan untuk perempuan merujuk kepada pemotongan sebahagian kulit pada bahagian atas faraj bagi perempuan.⁹ Berbeza dengan lelaki, berkhatan bagi perempuan tidak perlu membuang kulit yang berkenaan keseluruhannya. Tetapi cukup sekadar sebahagian kecil kawasan tersebut.

Kawasan Yang Dikhatankan

Bagi mengenal pasti kawasan atau kulit yang perlu dikhatankan untuk perempuan, Imam Nawawi di dalam kitabnya *Al-Majmu'* menjelaskan bahawa di bahagian faraj wanita terdapat kawasan keluarnya haid, mani dan kelahiran bayi yang juga merupakan kawasan kemasukan zakar. Di bahagian atasnya terdapat satu lubang kecil iaitu kawasan keluar najis daripadanya. Di antara dua lubang ini terdapat kulit yang lembut. Di atas lubang najis juga terdapat kulit yang lembut dan kulit seperti balung ayam inilah yang dikhatankan bagi perempuan.¹⁰ Penjelasan ini menunjukkan bahawa kulit yang dikhatankan adalah kulit yang berada pada bahagian atas faraj atau secara perubatannya ia disebut sebagai *klitoris (clitoris)*.¹¹



Rajah 2: Gambarajah Anatomi Klitoris

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2009

Ibn Hajar Al-Asqalani menyifatkan khatan untuk wanita adalah dengan memotong kulit yang menutupi *klitoris* tanpa membuang keseluruhannya. Muhammad Ali Qutub juga menyebut kawasan yang sama yang dibuang semasa dikhatankan di mana kulit itu disebut sebagai *fresulum*.¹²

Bagi anak-anak perempuan yang dilahirkan dalam keadaan yang telah dikhatankan iaitu kulit yang meliputi *klitoris* telah tiada, disunatkan oleh ulama *Syafi'iyah* untuk melakukan sahaja alat berkhatan pada tempat yang sepatutnya dikhatankan sebagai tanda mentaati perintah Allah. Ini kerana, seperti yang disebutkan oleh Sheikh Abu Abdullah Al-Haj, terdapat perbezaan anatomi faraj wanita antara wanita di timur dan di barat di mana wanita di timur dikatakan tidak mempunyai kulit yang disebutkan ini.

Kajian terhadap amalan khatan anak perempuan dalam masyarakat Melayu yang pernah dijalankan oleh Prof. Madya Dr. Anisah binti Abd. Ghani mendapati upacara mengkhatankan anak-anak perempuan dilakukan oleh bidan-bidan tradisional yang arif dan memahami kadar yang sepatutnya dipotong. Dari segi amalan, bidan-bidan ini akan memotong sedikit hujung *klitoris* atau puncak kelentit diiringi dengan bacaan *bismillah* dan kalimah *syahadah* atau selawat.¹³

Asasnya, berkhatan bagi wanita menurut perspektif Islam bukan seperti yang dikategorikan di dalam klasifikasi FGM. Ia tidak

mendatangkan akibat yang buruk kepada wanita tersebut. Malah tatacara yang betul bersandarkan kepada apa yang disarankan di dalam Islam mendatangkan kebaikan kepada si perempuan. Tiada unsur pencabulan maruah wanita kerana ia dijalankan dengan berhati-hati serta menjaga aurat wanita daripada pandangan dan pengetahuan ramai.

PANDANGAN FUQAHA' BERHUBUNG HUKUM BERKHATAN BAGI WANITA

Ulama berbeza pendapat berhubung isu ini. Pandangan pertama; pandangan jumhur al-Syafi'iyah, Imam Ahmad dan al-Hanabilah dan pendapat Sahnun daripada Mazhab Maliki mengatakan khatan adalah **wajib bagi perempuan**.¹⁴

Pandangan kedua; berkhatan bagi perempuan hukumnya **mandub** bagi Mazhab Maliki Setengah ulama' Hanafi berpendapat berkhatan bagi perempuan adalah **sunat**.¹⁵ Pendapat seterusnya meletakkannya sebagai **mustahab**.

Pandangan ketiga: pandangan Ibnu Qudamah dalam kitab *Mughni* yang mengatakan bahawa khatan **tidak wajib kepada wanita** tetapi satu penghormatan bagi mereka.¹⁶ Pandangan yang sama dikemukakan oleh al-Syeikh Dr. Abdul Karim Zaydan yang menyatakan kewajipan berkhatan adalah kepada lelaki dan **penghormatan kepada wanita tanpa mewajibkannya**.¹⁷ Sependapat dengan beliau ialah Sheikh Al-Azhar Muhammad Syed At-Tantawi dan Dr. `Atiyyah Saqar.¹⁸

Dr. Nasir Farid Wasil, Mufti Mesir merangkap ahli Majlis Penyelidikan Islam, Al-Azhar menjelaskan khatan disyariatkan untuk wanita melalui umumnya dalil yang berkaitan. Namun, ia perlu ditinggalkan jika terdapat kemudahan. Pendapat ini disokong oleh Dr. Abd. Fatah Idris, Dekan Jabatan Perbandingan Fiqh, *Majlis Fiqh Al-Islam* Mekah yang menjelaskan, samada ia berasaskan adat atau tidak, namun yang pasti terdapat hadith yang mengesahkannya. Dalam konteks yang sama, Sheikh Mahmud `Asyur menyatakan sesuatu perkara itu tidak boleh diharamkan melainkan dengan *nas syar'ie*. Memandangkan tiada nas yang mengharamkannya atau mewajibkannya, perkara ini perlu diletakkan mengikut *uruf* yang disepakati masyarakat.

Berlainan pula dengan pendapat Mufti Mesir, Sheikh Ali Jum`ah apabila beliau memfatwakan bahawa khatan untuk

wanita bukan daripada perkara *ta`abbudiyah diniyyah*. Malah ia merupakan adat yang diwarisi di negara sekitar Sungai Nil pada zaman Fir`aun dan ia tersebar ke negara-negara Arab sepertimana ia tersebar di Madinah sekarang. Beliau menggesa agar semua negara Islam berhenti dari melakukannya kerana ia memudaratkan diri. Berdasarkan kepada fatwa ini, Dr. Hatim Al-Jabali, Menteri Kesihatan Mesir telah melarang mana-mana hospital, pusat kesihatan atau doktor untuk menjalankan amalan khatan bagi perempuan.

Hujah Pendapat Golongan Yang Mengatakan Wajib

Pendapat ini menyatakan bahawa khatan adalah wajib bagi perempuan. Hukum ini bersandarkan kepada hujah-hujah berikut:

- i. Allah telah memerintahkan hamba-hambanya untuk mengikut apa yang diperintahkan kepada Nabi Ibrahim a.s. bersandarkan kepada ayat berikut:

ثُمَّ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ أَنْ اتَّبِعْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

(النحل: 123)

Maksudnya: Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad); hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim yang berdiri teguh di atas jalan yang benar dan tiada ia dari orang-orang yang musyrik.

(An-Nahl: 123)

Suruhan ini termasuklah amalan berkhatan kerana ia merupakan salah satu daripada suruhan yang ditetapkan ke atas Nabi Ibrahim a.s. sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال اختتن إبراهيم بعد ثمانين سنة واختتن بالقدم (رواه البخاري)

Maksudnya: *Daripada Abi Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda Nabi Ibrahim berkhatan sewaktu umurnya lapan puluh tahun dan berkhatan dengan menggunakan kapak kecil.*

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)¹⁹

Ibn Hajar menjelaskan memandangkan amalan ini merupakan amalan Nabi Ibrahim AS, dan ayat ini jelas menuntut agar kita mengikut agama Nabi Ibrahim, maka ia menjadi wajib bagi umat Islam untuk berkhatan bagi lelaki dan perempuan.²⁰

- ii. Daripada firman Allah SWT yang berbunyi:

وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ

(البقرة: 124)

Maksudnya: *Dan (ingatlah!) ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnkannya.*

(Al-Baqarah: 124)

Ibn Abbas menjelaskan bahawa ujian Allah ini melibatkan sepuluh perkara berkaitan kebersihan di mana lima perkara di kepala dan lima lagi di badan. Berkhatan merupakan salah satu dari lima tuntutan kebersihan di badan.²¹

- iii. Daripada hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah iaitu:

عن أبي هريرة رواية الفطرة خمس أو خمس من الفطرة الختان والاستحداد ونتف الإبط وتقليم الأظافر وقص الشارب

(رواه البخاري)

Maksudnya: *Lima perkara yang menjadi fitrah manusia iaitu berkhatan, memotong bulu ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan memendekkan misai.*

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)²²

Daripada hadith ini hukum berkhatan tetap wajib walaupun ia diletakkan sebaris dengan perkara-perkara fitrah sunat yang lain. Kewujudan dua hukum berbeza dalam satu nas bukanlah sesuatu yang janggal. Contohnya seperti yang wujud dalam ayat berikut:

كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ
 الأنعام: ١٤١

Maksudnya: *Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya.*

(Al-An'aam: 141)

Ayat ini mengisyaratkan penggunaan *sighah* lafaz yang sama untuk dua maksud yang berbeza. 'Makanlah' menunjukkan hukum harus manakala 'keluarkanlah zakatnya' menunjukkan hukum wajib.

- iv. Amalan khatan ini adalah sebahagian daripada syiar Islam yang diamalkan sejak zaman Nabi Adam a.s. yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam. Sheikh Abd Wahab An-Najjar menceritakan bahawa Nabi Adam A.S. bernazar ingin memotong anggota badannya apabila Allah mengampunkannya. Setelah Allah mengampunkannya, Jibril menunjukkan bahagian khatan ini untuk dipotong. Kemungkinan amalan ini ditinggalkan oleh anak-anaknya, maka Allah menghidupkan semula perintah ini kepada Nabi Ibrahim A.S.²³ Maka sebagaimana syiar Islam ini diwajibkan ke atas lelaki begitulah juga ke atas wanita.
- v. Keharusan orang yang dikhatankan untuk membuka aurat sewaktu pelaksanaannya menunjukkan amalan berkhatan itu sesuatu yang wajib. Perlakuan membuka aurat tidak dibenarkan dalam Islam, namun ia diharuskan apabila terdapat keadaan yang wajib dilaksanakannya. Maka, ia jelas menyatakan bahawa hukum berkhatan itu wajib. Jika berkhatan itu tidak diwajibkan maka sudah tentu membuka aurat itu juga

tidak diharuskan.

Namun begitu, masih terdapat perkara wajib yang ditinggalkan kerana mendahulukan perkara yang tidak wajib. Ia bersesuaian dengan kaedah fiqah:

قد يترك الواجب بغير الواجب.

Maksudnya: *Kadangkala ditinggalkan perkara yang wajib untuk menjalankan perkara yang tidak wajib.*

Contohnya, meninggalkan berdiam diri untuk mendengar khutbah bagi menunaikan solat sunat *tahiyat al-masjid*. Maka tidak semestinya keharusan melakukan perkara yang dilarang adalah untuk melengkapkan perkara yang wajib. Bahkan keharusan itu mungkin disebabkan perkara yang sunat.

- vi. Hadith daripada datuk `Uthaim bin Kulaib, sewaktu dikatakan kepada Baginda bahawa dia telah memeluk Islam Rasulullah SAW bersabda:

ألق عنك شعر الكفر واختن
(رواه أحمد)

Maksudnya:

Cukurlah rambut zaman kafirmu dan berkhatanlah.

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad)²⁴

- vii. Daripada Abi Barzah r.a. berkata kami bertanya Rasulullah SAW tentang seorang lelaki yang tidak berkhatan mengerjakan haji. Baginda bersabda: Tidak (dibenarkan dia berbuat demikian) sehingga dia berkhatan."²⁵
- viii. Al-Mawardi berpendapat syariat tidak akan membenarkan manusia melakukan perkara yang menyakitkan tubuh badan melainkan dengan tiga sebab iaitu untuk kemaslahatan, sebagai balasan atau kerana kewajipan. Dengan mengambil kira bahawa khatan ini juga termasuk dalam perkara yang menyakitkan, ia disyariatkan kerana kewajipan. Maka hukum berkhatan adalah wajib.

Hujah Pendapat Golongan Yang Mengatakan Sunat/Mandub/ Mustahab

Pendapat pertama menetapkan bahawa amalan berkhatan bagi perempuan adalah sunat atau *mustahab* atau *mandub*. Hujah pendapat ini adalah seperti berikut:

- i. Terdapat pelbagai hadith yang mengisyaratkan keperluan berkhatan untuk wanita tanpa mewajibkannya, contohnya:

عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وسلم قال إذا
قعد بين شعبها الأربع وألزق الختان بالختان فقد
وجب الغسل

(رواه أبو داود)

Maksudnya: Daripada Abi Hurairah Sesungguhnya Nabi SAW bersabda apabila seseorang lelaki duduk di antara anggota isterinya yang empat dan khatan bertemu khatan, maka wajib ke atasnya mandi.

(Diriwayatkan oleh Abu Daud)²⁶

عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال إذا
جلس بين شعبها الأربع ثم جهدها فقد وجب الغسل

(رواه البخاري)

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah r.a. daripada Nabi SAW bersabda apabila seseorang lelaki itu duduk di antara anggota isterinya yang empat kemudian dia berusaha (mendatanginya) maka wajib mandi.

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)²⁷

- ii. Selain itu, Rasulullah SAW juga pernah menasihati Umm `Atiyyah tentang tatacara berkhatan seperti yang disebutkan dalam hadith berikut:

عن أم عطية الأنصارية أن امرأة كانت تختن بالمدينة
فقال لها النبي صل الله عليه وسلم لا تنهكي فإن
ذلك أحظى للمرأة وأحب إلى البعل

(رواه أبو داود)

Maksudnya: *Daripada Umm `Atiyah Al-Ansariyah berkata, sesungguhnya seorang wanita berkhatan di Madinah. Maka Rasulullah SAW bersabda kepadanya: Janganlah kamu berlebih-lebihan kerana hal itu akan lebih mendatangkan kenikmatan bagi wanita dan lebih disukai suami.*"

(Diriwayatkan oleh Abu Daud)²⁸

وفي رواية من حديث أنس بن مالك قال: قال رسول
الله صلى الله عليه وسلم: "إذا خففت فأشمتي ولا
تنهكي فإنه أسرى للوجه وأحظى للزوج"

Maksudnya: *Dalam riwayat lain daripada Anas bin Malik, dia berkata: "RasuluLlah SAW bersabda: "Apabila engkau melakukan khatan, maka sederhanakanlah dan janganlah berlebih-lebihan kerana hal itu lebih menampakkan kecantikan di wajah dan lebih mendatangkan kenikmatan bagi suami."*

(Riwayat Ad-Daulabi)

Daripada hadith-hadith ini, nyata Rasulullah SAW tidak mewajibkan khatan sebaliknya mendidik wanita bagaimana seharusnya dilakukan ketika mengkhatankan anak-anak perempuan.

iii. Hadith yang diriwayatkan daripada Abu Malih:

عن أبي المليح عن أسامة عن أبيه الختان سنة للرجال
مكرمة للنساء

(رواه أحمد)

Maksudnya: *Berkhatan sunat bagi lelaki dan penghormatan bagi wanita.*

(Diriwayatkan oleh Ahmad)

Hadith ini menunjukkan adanya perbezaan hukum antara amalan khatan bagi lelaki dan khatan bagi perempuan. Hukum ini lebih kuat diletakkan kepada lelaki berbanding perempuan atau ia menjadi sunat bagi lelaki dan harus bagi perempuan.

Namun begitu, Al-Qurtubi dan Ibn Hajar menyatakan hadith yang diriwayatkan oleh Al-Hajjaj tidak diambil untuk diperhujahkan kerana beliau seorang *mudallis*.

- iv. Hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a) iaitu hadith yang sama yang disandarkan oleh pendapat pertama.

عن أبي هريرة رواية الفطرة خمس أو خمس من الفطرة الختان
والاستحداد و نتف الإبط و تقليم الأظافر و قص الشارب

(رواه البخاري)

Maksudnya: Lima perkara yang menjadi fitrah manusia iaitu berkhatan, memotong bulu ari, mencabut bulu ketiak, memotong kuku dan memendekkan misai.

(Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Amalan berkhatan diletakkan sebaris dengan empat perkara fitrah lain yang sunat hukumnya. Selaras dengan hukum sunat ini, maka khatan juga adalah tidak wajib.

- v. Tiada nas yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW telah mengkhatakan puteri-puteri Baginda. Sheikh Abdul Rahman An-Najjar menjelaskan walaupun Rasulullah SAW mempunyai empat orang puteri namun tiada bukti dari sejarah sirahnya bahawa mereka dikhatankan. Di samping itu, tiada juga dalil yang menunjukkan pengharamannya kerana amalan ini merupakan amalan yang dilakukan oleh masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam lagi. Ketiadaan سنة فعلية dan pengharamannya menunjukkan amalan ini boleh diteruskan tetapi tidak diwajibkan.
- vi. Merujuk kepada kaedah fiqh, asal sesuatu perkara itu

الأصل في الأشياء الإباحة. Memandangkan tiada nas yang jelas menerangkan hukumnya, maka amalan ini adalah diharuskan selama mana ia tidak mendatangkan mudarat pada diri seseorang perempuan demi menjaga kemaslahatan diri.

- vii. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, prosedur berkhatan yang termaktub di dalam kitab-kitab fiqh tidak langsung memberikan kemudatan. Malah, WHO juga gagal menunjukkan bukti empirikal kesan negatif FGM peringkat ke-IV atau berkhatan. Maka berkhatan boleh diteruskan selama mana tidak mendatangkan mudarat dan tidak ada dalil yang menentangnya sesuai dengan kaedah fiqh:

ما ثبت بزمان يحكم ببقائه ما لم يوجد دليل

على خلافه

Maksudnya: Sesuatu yang telah wujud, dihukumkan dengan hukum asal selagi mana tidak ada dalil yang bertentangan dengannya.

- viii. Tidak semua hikmah sesuatu pensyariatan itu tercapai pada akal manusia yang cetek. Bahkan, pensyariatan sesuatu itu berlaku sebelum penemuan-penemuan saintifik ditemui. Sebagai contoh sehingga hari ini, tiada siapa yang dapat meyakinkan hikmah di sebalik jumlah rakaat solat fardhu. Malah, solat difardhukan sebelum manfaat dari segi perubatan ditemui. Maka, begitulah juga amalan berkhatan untuk wanita ini. Pengharamannya tidak harus berlaku semata-mata kerana tiada bukti saintifik ditemui untuk menjelaskan keharusannya. Tidak mustahil manfaatnya dapat dilihat setelah satu tempoh masa yang lama berlangsung.

Hujah Pendapat Golongan Yang Mengatakan Haram

- i. Tiada dalil yang *qat`ie* menuntut amalan ini dilakukan dari Al-Quran dan Sunnah. Adapun hadith Ummu

`Atiyyah merupakan hadith *mursal*, manakala hadith Anas bin Malik pula merupakan hadith *da'if*. Maka, perlukah sesuatu pensyariatan itu dibuat bersandarkan pada hadith yang lemah.

- ii. Apabila tiada nas yang kuat yang boleh disandarkan, maka pendapat para profesional dalam bidang ini perlu diiktiraf atas kepakaran mereka dalam kajian secara saintifik bagi membuktikan keperluan khatan untuk wanita ini. Walaubagaimanapun, sehingga hari ini tiada bukti saintifik yang membuktikan kesan positif dari amalan ini.
- iii. Berkhatan untuk wanita bertentangan dengan kaedah fiqh لا ضرر ولا ضرار. Dari sudut perubatan, amalan ini tidak membawa kesan positif malah lebih banyak kesan negatif direkodkan seperti yang temaktub dalam kenyataan rasmi WHO. Shiekh Sudani Hasan Ahmad Abu Subaib menjelaskan “adat ini diadaptasi ke dalam Islam, dan Islam tidak menggariskan kepentingannya. Jika ia benar-benar dituntut, sudah tentu Islam akan meletakkannya sebagai keutamaan.”
- iv. Larangan khatan untuk wanita tidak bertentangan dengan *Syari'ah Islamiyyah*. Ini kerana, hadith yang disandarkan kepadanya untuk meneruskan amalan ini adalah lemah dan tidak sah berhujah dengannya. Maka, mengharamkannya tidak bertentangan dengan hukum Islam.
- v. Berkhatan untuk wanita hanyalah adat yang diwarisi dari amalan puak jahiliyyah. Ia diasaskan oleh berkhatan ala Firaun (pharaonic circumcision) yang dimulakan pada pemerintahan Ramses dalam kerajaan Mesir Kuno. *Pharaonic circumcision* atau *infabulation* merupakan peringkat III yang diklasifikasikan oleh WHO. Adat ini dijalankan di Sudan, Somalia, Kenya dan beberapa tempat lain. Namun yang pasti, dari hari ke hari lebih banyak aduan diterima kesan dari kesengsaraan yang ditanggung oleh pengamalannya. Ini merupakan adat yang sepatutnya ditegah.

- vi. Adat yang bertentangan syariat dan kemaslahatan umum tidak boleh diikuti. Salah satu kaedah fiqh menjelaskan sesuatu adat hanya diterima apabila ia tidak bertentangan dengan syariat;

إنما تعتبر العادة إذا اطردت أو غلبت

Syariat dan kemaslahatan ummah perlu didahulukan sebelum menerima adat sebagai asas dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Kesusahan yang ditanggung oleh pengamal-pengamalnya bertentangan dengan مقاصد الشريعة yang menegaskan peri pentingnya menjaga tubuh badan dan maruah seorang insan.

KESIMPULAN

FGM terdiri daripada amalan-amalan yang melibatkan luka kecil atau pemotongan bahagian sulit wanita. Melihat kepada kesan negatif dari segi kesihatan dan hak asasi wanita, WHO menggesa negara-negara yang terbabit untuk menghentikannya. Bagi Malaysia, penelitian dari sudut syarak sangat diperlukan sebelum memberikan sokongan penuh kepada usaha pembasmian ini. Ini kerana, salah satu peringkat yang diklasifikasikan dalam FGM adalah melibatkan prosedur berkhatan seperti yang disebutkan oleh ulama terdahulu.

Terdapat tiga pendapat berkaitan hukum berkhatan iaitu wajib, sunat dan haram. Sebahagian pendapat menyatakan ia adalah wajib diamalkan berdasarkan petunjuk dari syariat yang ditetapkan ke atas Nabi Ibrahim AS. Walaupun begitu, hadith-hadith yang disandarkan sama ada lemah, *mursal* atau tidak menunjukkan wajib.

Sebahagian lagi meletakkannya sebagai sunat diamalkan untuk menjaga maruah wanita. Hujah yang digunakan adalah jelas dengan mengambil kira:

- i. Ketiadaan nas yang *sarih* mewajibkan pelaksanaannya;
- ii. Ketiadaan dalil *qat'ie* menuntut pelaksanaannya;

- iii. Wujudnya pelbagai dalil yang mengisyaratkan keperluan pelaksanaannya; dan
- iv. Ketiadaan dalil yang mengharamkannya.

Bagi pendapat yang mengharamkannya, tiada dalil yang jelas yang menunjukkan amalan ini dilarang dilakukan di dalam Islam. Pendapat ini lebih menekankan peringkat I, II dan III yang dilihat membawa kemudharatan yang besar terhadap kesihatan wanita.

KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

Isu *Female Genital Mutilation* telah dibincangkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009. Dalam persidangan ini, ahli Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa amalan berkhatan bagi wanita adalah sebahagian daripada syiar umat Islam. Manakala amalan *Female Genital Mutilation* (FGM) adalah bertentangan dengan amalan berkhatan yang ditetapkan oleh syarak.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan pandangan *jumhur ulama*, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa hukum berkhatan bagi wanita adalah wajib. Walaubagaimanapun, sekiranya ia boleh membawa kemudharatan pada diri, maka ia perlu dielakkan.

RUJUKAN

- Abu Daud, Sulaiman bin Al-As`Ath, As-Sajistani, (Al-Khalidi, Muhammad Abd. Aziz, editor), *Sunan Abi Daud*, (Beirut: Dar Al-Kutub Al-`ilmiyyah, 1996)
- Abu Jaib, Sa`di, *Al-Qamus Al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, (Dimasyq: Dar Al-Fikr, 2003)
- Al-`Asqalani, Ibn Hajr, *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Al-Bukhari*, Jilid 10, Cetakan Ke-3, (Riadh: Dar As-Salam, 2000)
- Al-Baqi, Muhammad Fuad Abdullah, *Mausu`ah Sunan Kutub As-Sittah wa Syuruhuha*, (Istanbul: Dar Ad-Dakwah, 1992)
- Anisah Ab. Ghani, "Hukum Berkhatan", *Jurnal Syariah*, 2(2), 1994, "Amalan Khatan Anak Perempuan Dalam Masyarakat Melayu", *Jurnal Syariah*, 3(1), 1995
- An-Nawawi, Mahyuddin bin Syaraf, *Kitab Al-Majmu`*, (Beirut: Dar Ahya at-Turath al-Arabiy, 2001)
- Atiyyah Saqar, *Husnul Kalam fi Fatawal Ahkam*, (Kaherah: Dar Al-Bahgdadi)
- Carl F. Horowitz, *Female Genital Mutilation: Understanding and Overcoming A Worldwide Sexual Crime*, (Washington: Women's Freedom Working Paper, 2002)
- Ibn Kathir, "Tafsir Ibn Kathir", *Ensiklopedia Al-Quran Al-Karim*, CD-ROM, Syarikat Hurf Li Taqniah Al-Maklumat, Creative Media Consultants Sdn. Bhd.
- Imam Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, (Beirut: Dar Al-KutubAl-Ilmiyyah, 1993)
- <http://arabmag.blogspot.com>
- <http://www.Islamway.com/>
- Isa et.al, *The Practice of Female Circumcision among Muslims in Kelantan, Malaysia*, JSTOR, Vol. 7, No. 13, (Reproductive Health Matters, 1999)
- Karim Zaidan, *Al-Mufassal fi Ahkam Al-Mar`ah wal-Baitil Muslim fisy-Syari`ah Al-Islamiyyah*, (Beirut: Muassasah Ar-Risalah, 2000)
- Muhammad Ali Al-Barr, *Al-Khitan*, (Jeddah: Dar-Manarah, 1994)

Muhammad Lutfi, *Islamic Ruling on Male and Female Circumcision*, (Mesir: World Health Organization, 1996)

Rosliza Abd. Manaf, *Overview on Female Circumcision & Female Genital Mutilation*, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2008

Sami Az-ziab, *Khitan Az-zukur wal-Inas `indal Yahudi wal-Masihyyin wal-Muslimin Al-Jadal Ad-Diniyy*, (Beirut: Riad El-Rayyes Books, 2000)

Wizarah Al-Awqaf wa As-Syu`un Al-Islamiyah, "Khitan", *Mausu`ah Fiqhiyyah*, 1990

World Health Organization (WHO), *Eliminating Genital Mutilation An Interagency Statement*, (2008)

- ¹ World Health Organization (WHO), *Eliminating Genital Mutilation An Interagency Statement*, (2008), m/s 4. Boleh didapati di laman web http://www.who.int/reproductivehealth/publications/fgm/fgm_statement_2008.pdf
- ² Rosliza Abd. Manaf, *Overview on Female Circumcision & Female Genital Mutilation* yang dibentangkan dalam Perbincangan Mengenai Isu Female Genital Mutilation (FGM) di Malaysia.
- ³ Ibid
- ⁴ Ibid
- ⁵ WHO, 4
- ⁶ Sumber: Laporan Bersama WHO, 2008, m/s33-35
- ⁷ Carl F. Horowitz, *Female Genital Mutilation: Understanding and Overcoming A Worldwide Sexual Crime*, (Washington: Women's Freedom Working Paper, 2002), m/s 7.
- ⁸ Abu Jaib, Sa'di, *Al-Qamus Al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*, (Dimasyq: Dar Al-Fikr, 2003), m/s:112
- ⁹ Karim Zaidan, *Al-Mufassal fi Ahkam Al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi asy-Syari'ah al-Islamiyyah*, (Beirut: Muassasah Ar-Risalah, 2000), m/s 47; Muhammad Ali al-Barr, *Al-Khitan*, (Jeddah: Dar Al-Manarah, 1994), m/s: 45
- ¹⁰ An-Nawawi, Mahyuddin bin Syaraf, *Kitab Al-Majmu'*, (Beirut: Dar Ahya at-Turath al-Arabiyy, 2001), m/s: 105
- ¹¹ Sila rujuk Lampiran 2 untuk gambarajah anatomi klitoris.
- ¹² Anisah Ab. Ghani, "Hukum Berkhatan", *Jurnal Syariah*, 2(2), 1994, m/s: 64
- ¹³ Anisah Abd. Ghani, "Amalan Khatan Anak Perempuan Dalam Masyarakat Melayu", *Jurnal Syariah*, (3), 1 Januari 1995, m/s: 74
- ¹⁴ Ibid, Ibn Hajr Al-Asqalani, *Fath Al-Bari Syarhu Sahih Al-Bukhari*, (Riadh: Dar As-Salam, 2000), Jilid 10, Cetakan ke-3, m/s: 419
- ¹⁵ Wizarah Al-Awqaf wa Asy-Syu'un Al-Islamiyyah, *Khitan, Mawsu'ah Fiqhiyyah*, (1990), m/s 27
- ¹⁶ Ibid, 28
- ¹⁷ Karim Zaidan, *Al-Mufassal fi Ahkam Al-Mar'ah wal-Baitil Muslim fisy-Syari'ah Al-Islamiyyah*, (Beirut: Muassasah Ar-Risalah, 2000), m/s 47
- ¹⁸ Atiyyah Saqar, *Husnul Kalam fi Fatawal Ahkam*, (Kaherah: Dar Al-Bahgdadi), m/s 105; <http://arabmag.blogspot.com>
- ¹⁹ Sahih Bukhari, *Kitab Al-Isti'zan*, Bab 51 Khitan Ba'd Al-Kibr wa Natf Al-Ibti
- ²⁰ An-Nawawi, m/s: 348; Sami Az-Zib, *Khitan Az-Zukur wa Al-Inath Inda Al-Yahudi wa Al-Masihyyin wa Al-Muslimin*, (Beirut: Riad Al-Rayyes Book Ltd., 2000), m/s: 282
- ²¹ Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir*, CD *Ensiklopedia Al-Quran Al-Karim*, (Qaherah: Syarikat Hurf Li Taqniah Al-Maklumat)
- ²² Sahih Bukhari: *Kitab Al-Libas*, Bab 63 Qassu al-Syarib
- ²³ Muhammad Ali al-Barr, m/s: 54

²⁴ Imam Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, (Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 1993), Jilid 3, No. Hadith: 15438, *Musnad Al-Makkiyyin*, Hadith Abi Kulaib r.a., m/s: 508

²⁵ Diriwayatkan oleh Ibn Al-Munzir; terdapat dalam sanadnya majhul.

²⁶ Abu Daud, Sulaiman bin Al-As`Ath, As-Sajistani, (Al-Khalidi, Muhammad Abd. Aziz, editor), *Sunan Abi Daud*, (Beirut: Dar Al-Kutub Al-`ilmiyyah, 1996), Sunan Abi Daud: 216, *Kitab Toharah, Bab Al-Iksal*

²⁷ *Sahih Al-Bukhari*: 291, *Kitab Mandi, Bab Apabila Bertemu Dua Alat Yang Dikhatankan*

²⁸ Abu Daud: 5271, *Kitab Adab, Bab Khatan*; Abu Toyiyb Muhammad Shams Al-Haqq, `Aun Al-Ma`bud Syarh Sunan Abi Daud, *Kitab Adab, Bab Berkhatan Untuk Wanita*. Menurut Abu Daud isnad hadith ini tidak kuat kerana diirwayatkan secara mursal. Muhammad bin Hassan Al-Kufi adalah perawi yang majhul. Menurut Abi Toyiyb, hadith ini mempunyai dua hadith penguat yang lain, iaitu Anas dan Ummu Aiman daripada Ad-Dhahhak oleh Al-Baihaqi.

²⁹ Ditakhrij Ad-Daulabi, 2/122. Menurut As-Syaikh Al-Albani isnad hadith ini daif. Menurut Al-Haitami dan At-Tabrani isnadnya hasan. Al-Albani menyebutkan beberapa hadith penguat dan beberapa jalan bagi hadith ini sehingga dapat meningkat ke darjat hasan.

³⁰ Imam Ahmad bin Hanbal, *Awwal Musnad Al-Basriyyin*, Hadith Usamah Al-Hazli r.a.

³¹ Sami Az-Zib, m/s: 284

³² *Sahih Bukhari*: *Kitab Al-Libas, Bab 63 Qassu as-Syarib*

³³ Sami Az-Zib, m/s: 280-281

³⁴ Sami Az-zaib, 347

³⁵ *Ibid*, 348

³⁶ Muhammad Lutfi, *Islamic Ruling on Male and Female Circumcision*, (Mesir: *World Health Organization*, 1996), m/s 28